

R GB 24-07 00168 BA732

aab

Mahathir - buruh

KERAJAAN AKAN CUBA ATASI MASALAH KEKURANGAN PEKERJA DI LABUAN

I

LABUAN, 24 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini berkata bahawa usaha akan diambil bagi mengimport pekerja asing termasuk profesional untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kontraktor dan bank-bank di sini.

Bercakap pada satu persidangan akhbar selepas lawatan singkat ke sini, beliau berkata kerja-kerja pembinaan projek Taman Kewangan bernilai RM360 juta kini dua bulan lewat daripada jadual akibat kekurangan pekerja.

"Saya berharap kelewatan tidak lagi berlaku," kata beliau dan menambah bahawa tidak banyak kemajuan dalam projek pembinaan Hotel Faber Merlin bernilai RM60 juta.

Perdana Menteri berkata sungguhpun Labuan mempunyai banyak pekerja asing, adalah perlu untuk mengimport para pekerja daripada Filipina seperti yang disyorkan oleh Penasihat Ekonomi kepada kerajaan, Tun Daim Zainuddin.

Daim, yang mengetuai Lembaga Pembangunan Labuan (LDA), telah melahirkan kebimbangannya mengenai kelewatan projek pembinaan terutamanya projek Taman Kewangan yang akan menjadi pusat kegiatan kewangan luar pesisir pantai. -- Lagi

▼24/07/17-42MST

R GB 24-07 00125 BA733

aab

Mahathir - buruh 2 Labuan

Adalah dianggarkan sekurang-kurangnya satu pertiga daripada 60,000 penduduk Labuan terdiri daripada pekerja Indonesia dan Filipina.

Dr Mahathir juga berkata bahawa sungguhpun terdapat golongan profesional yang mencukupi di Malaysia, kebanyakan mereka keberatan untuk datang ke Labuan dan mereka harus digalakkan untuk berbuat demikian.

Perdana Menteri bagaimanapun gembira dengan kemajuan pembinaan Pusat Marina Labuan bernilai RM120 juta dan Taman Pertanian Pulau Papan.

Fasa pertama Pusat Marina itu dijadualkan dibuka Disember ini dengan marina dilengkapi 100 buah bilik dan 53 tempat berlabuh.

Beliau berkata Taman Pertanian Pulau Papan terletak di sebuah pulau dua kilometer dari Labuan dan berpotensi untuk dijadikan sebuah dusun buah-buahan tropika yang besar dan menjadi tarikan pelancong. -- Lagi

▼24/07/17-45MST

CNS9254

R GB 24-07 00096 BA734

aab

Mahathir - buruh 3 (akhir) Labuan

Dr Mahathir, yang turut melawat limbungan Sabah Shipyard, berkata beliau kagum dengan kemudahannya dan menambah bahawa ia mampu berkembang dengan lebih pesat dengan pelaburan yang lebih besar bagi meningkatkan keupayaannya untuk membina kapal yang melebihi berat 17,000 DWT.

Semasa kunjungannya, beliau diiringi oleh Anggota Parlimen Labuan, Abdul Mulok Awang Damit, Pengarah Pembangunan Labuan, Datuk Nawawi Kamaruddin, Pengerusi Ekram, Datuk Ting Pek King, Presiden Dewan Perniagaan Cina Labuan, Tan Sri Wong Chik Lim dan Pengerusi Kumpulan, Chua Ma Yu. --Bernama

AG MZ SIA

▼24/07/17-47MST